

RSB'18 Dekati Masyarakat Kuching dan Bintulu

Terakhir dikemaskini: Isnin, 05 November 2018 19:24 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 147

[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Share](#)


ISNIN, 05 NOVEMBER - Seramai 45 pelajar dan 25 kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) memulakan ekspedisi Rentas Sempadan Borneo 2018 (RSB'18) hari ini.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin di Dataran Dewan Canselor UMS.

Menurut beliau, program RSB'18 merupakan salah satu peluang untuk para pelajar yang terlibat mendekati dan mempelajari kepelbagaian sosiobudaya dalam masyarakat di kepulauan Borneo.

“Mempelajari dan memahami kepelbagaian sosiobudaya ini sangat penting kepada mahasiswa kerana anda

adalah bakal pemimpin masa depan negara.

“Anda akan menjadi pemimpin dalam sebuah organisasi yang akan mempunyai budaya kerja (*workplace culture*) dengan kepelbagaian latar belakang pekerja.

“Bagi menjayakan sesbuah organisasi, maka anda perlu memahami siapa yang dipimpin,” ujarnya ketika merasmikan pelancaran tersebut.

Datuk Dr. D Kamarudin turut menyarankan agar para peserta dapat mengambil peluang daripada ekspedisi ini untuk mendekati ibu bapa bakal pelajar UMS, anak-anak dan seluruh komuniti yang bakal mereka lawati.

“Saya berpesan agar saudara dan saudari sekalian menjaga tingkah laku sepanjang menjayakan program ini serta dapat menjalin hubungan yang mesra dengan masyarakat negeri Sarawak,” tambahnya.

Terdahulu, Pengurus RSB'18 Profesor Madya Dr. Saafie Salleh menyatakan tujuan RSB'18 dijalankan bertujuan untuk menaikkan nama UMS khususnya di kepulauan Borneo melalui jaringan hubungan dengan pelbagai agensi dan masyarakat.

Menurutnya, hasil perbincangan bersama pihak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu mendapat penerimaan yang baik daripada kedua-dua universiti tersebut.

“Kedua-dua universiti itu juga telah membantu mengenal pasti kampung dan rumah panjang yang akan terlibat.

“Bersama pasukan ini ialah tiga doktor perubatan dan seorang jururawat, selain pengawal keselamatan sebagai pengiring. Manakala pasukan pacuan empat roda akan turut serta untuk membantu dari sudut logistik,” katanya.

Pelbagai acara telah diatur untuk kedua-dua lokasi di Kuching dan Bintulu, antaranya ialah pameran, gotong-royong, ceramah motivasi, perkongsian ilmu pertanian, karikatur, khat, persembahan kebudayaan serta sukaneka.

Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut, Pendaftar UMS, No'man Datuk Haji Ahmad.